



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5  
Tarikh : 9 Oktober 2024

PEKELILING AKADEMIK BIL. 36/2024

SEMUA PELAJAR PROGRAM ASASlpintar

Saudara/i,

**PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU  
PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2024/2025**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2024/2025 Program ASASlpintar akan diadakan pada **16 hingga 20 Disember 2024**. Sehubungan itu, saudara/i perlu membuat Pengesahan Kursus dan Draf Jadual Waktu Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2024/2025 menerusi SMPWeb (<http://smplucee.ukm.my/smpweb>) mulai **7 hingga 18 Oktober 2024**. Dalam paparan borang permohonan ini disenaraikan kursus yang saudara/i daftar dan draf jadual peperiksaan akhir. Tindakan yang saudara/i perlu lakukan ialah seperti berikut:

- (i) Sekiranya semua maklumat adalah betul dan tiada percanggahan jadual peperiksaan, maka saudara/i perlu mengesahkannya dengan menekan butang **SAH**.
- (ii) Sekiranya terdapat **percanggahan jadual peperiksaan** atau **3 kursus berturutan dalam satu hari** maka saudara/i dikehendaki mencatatkan kursus terlibat dan memaklumkan kepada Ketua Penolong Pendaftar di Pusat PERMATA@Pintar Negara **selewat-lewatnya pada 19 Oktober 2024**.

3. Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Saudara/i yang tidak membuat pengesahan masuk peperiksaan juga **akan dikenakan denda sebanyak RM15.00**.

4. Jadual Peperiksaan muktamad akan dipaparkan dalam **Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) yang boleh dicapai melalui SMPWeb mulai 25 November 2024**. Pelajar dinasihatkan untuk menjelaskan semua hutang dengan universiti untuk mengelakkan sebarang kesulitan. Sebarang masalah berkaitan bayaran hutang, **sila berhubung dengan Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari**.

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**


Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/akademik](http://www.ukm.my/akademik)

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
  - Pengarah  
Pusat PERMATA@Pintar Negara
  - Pengarah  
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
  - Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat
  - Timbalan Pengarah (Governans Akademik)  
Pusat Pengurusan Akademik
  - Ketua Penolong Pendaftar  
Pusat PERMATA@Pintar Negara
  - Ketua Unit Kewangan Pelajar  
Jabatan Bendahari



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

**ILMU, MUTU DAN BUDI**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)